

Dr. M sahkan Othman Yeop lepaskan jawatan Pengerusi Eksekutif MDC

UM - 6 SEP 2002

CYBERJAYA 5 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa Tan Sri Dr. Othman Yeop Abdullah telah melepaskan jawatannya sebagai Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC).

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, Othman akan terus kekal bersama organisasi itu, tetapi tidak menyebut jawatan yang bakal disandang itu.

Menurutnya, peletakan jawatan Othman itu adalah disebabkan oleh masalah kesihatan yang dihadapinya.

“Beban beliau akan dikurangkan dan orang lain akan dilantik menggantikan beliau,” katanya ketika ditemui selepas mempengerusikan Mesyuarat Panel Penasihat Antarabangsa Koridor Raya Multimedia (MSC-IAP) Keenam di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan akhbar bahawa Othman telah meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif mulai 1 September lalu.

Laporan itu menyatakan peletakan jawatan Dr. Othman mengejutkan banyak pihak kerana beliau dipercayai baru memperbaharui kontrak jawatannya untuk tempoh sekurang-kurangnya setahun.

Masa peletakan jawatan itu juga dianggap tidak kena memandangkan mesyuarat MSC-IAP Keenam sedang dilangsungkan selama tiga hari sehingga Sabtu ini.

Ditanya mengenai penggantian Othman, Dr. Mahathir berkata, beliau akan mengumumkannya kemudian.

Sementara itu, Othman ketika dite-

mui ketika sesi mesyuarat berhenti rehat untuk makan tengah hari berkata, beliau akan kekal di MDC sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif.

“Tidak, saya bukannya bersara, tanya Perdana Menteri. Saya menjadi (Pengerusi) Bukan Eksekutif (kerana) sebab-sebab kesihatan,” katanya.

MDC merupakan agensi yang bertanggungjawab membangunkan MSC yang dirancang menerajui usaha Malaysia ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan berlandaskan aplikasi teknologi komunikasi dan maklumat.

Dr. Othman dilantik sebagai Pengerusi Eksekutif MDC pada 1 September 1996.

Beliau sebelum itu memegang beberapa jawatan penting dalam kerajaan termasuk Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan serta Ketua Setiausaha di Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Pos dan Kementerian Perusahaan Utama.

Mengenai mesyuarat IAP, Perdana Menteri berkata, ahli-ahli IAP telah memberikan banyak pendapat yang amat berguna untuk memajukan lagi MSC.

“Mereka memberi pendapat dan nasihat dan mengeluarkan bermacam-macam idea yang akan menolong kita majukan lagi MSC,” katanya.

Beliau berkata, sepanjang mesyuarat hari pertama itu, enam topik telah dibincangkan oleh ahli-ahli IAP seperti jenayah cyber, memerangi kandungan berbahaya dalam internet dan usaha merapatkan jurang digital.